



KENYATAAN UMUM

KEMUDAHAN AKTIVITI PERLESENAN DAN

PENGUATKUASAAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA

ATOM SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN

PERGERAKAN, PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

BERSYARAT DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

PEMULIHAN

Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia pada 11 Januari 2021 bagi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, PKP (Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan [Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan], Johor, Sabah dan Melaka, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, PKPB(Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu dan Kelantan) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan, PKPP (Perlis dan Sarawak) selama 14 hari bermula 13 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) terus komited untuk memberikan beberapa kemudahan berkaitan aktiviti perlesenan dan penguatkuasaan untuk memfasilitasikan pihak industri dan pemegang lesen yang terjejas sepanjang tempoh perintah tersebut dilaksanakan.

Kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

- a) Membenarkan penggunaan meter tinjau (*survey meter*) yang telah tamat tempoh sah tentukuran dalam tempoh PKP, PKPB dan PKPP

untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKP, PKPB dan PKPP serta kebenaran ini turut dilanjutkan sehingga 28 Februari 2021 bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan meter tinjau yang sah tentukuran;

- b) Membenarkan penggunaan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah senggaraan dalam tempoh PKP, PKPB dan PKPP untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKP, PKPB dan PKPP serta kebenaran ini turut dilanjutkan sehingga 28 Februari 2021 bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan peralatan sinaran yang sah selenggaraan;
- c) Membenarkan penggunaan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah sijil ujian kebocoran dalam tempoh PKP, PKPB dan PKPP untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKP, PKPB dan PKPP serta kebenaran ini turut dilanjutkan sehingga 28 Februari 2021 bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan peralatan sinaran yang mempunyai sijil ujian kebocoran yang sah;
- d) Membenarkan penggunaan alat pemantauan kakitangan dan alat pemantauan tempat kerja yang dipasang pada peralatan sinaran yang digunakan bagi bulan Oktober, November, Disember 2020 dan Januari 2021 boleh terus digunakan sehingga Februari 2021;
- e) Mempertimbangkan pengiktirafan semula untuk tempoh satu (1) tahun Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) / Penyelia (PY) / Pengendali Perunding (PP) / Pengendali Perunding Bebas (PPB) yang telah tamat tempoh sah pengiktirafan dalam tempoh PKP, PKPB dan PKPP walaupun mata Program Pendidikan Berterusan

(CEP) tidak mencukupi dan kelonggaran diberi bagi pengiktirafan PPS/ PY yang tamat tempoh sehingga 28 Februari 2021;

- f) Mana-mana PPS/PY yang telah diberikan pengiktirafan semula semasa PKP, PKPB dan PKPP dengan kelonggaran pemeriksaan perubatan yang melebihi tiga (3) tahun, hendaklah melakukan pemeriksaan perubatan selepas tamat tempoh PKP, PKPB dan PKPP yang dinyatakan di atas;
- g) Memberikan kelonggaran kepada syarat pembaharuan lesen berkaitan kalibrasi meter tinjau di mana boleh dipertimbangkan pembaharuan lesen bagi meter tinjau tersebut yang tamat kalibrasi sehingga 28 Februari 2021;
- h) Memberikan kelonggaran kepada pemegang lesen untuk menangguhkan pelaksanaan pengujian pelan kecemasan yang telah dijadualkan untuk dilaksanakan dalam tempoh PKP, PKPB dan PKPP ini dikuatkuasakan sehingga tempoh perintah tersebut tamat; dan
- i) Selari dengan prinsip penjarakan sosial yang ditekankan oleh Kerajaan, AELB menggalakkan setiap pusat latihan menjalankan Kursus Kesedaran Perlindungan Sinaran (*Radiation Safety Awareness Program*) secara atas talian berdasarkan kepada silibus kursus yang telah diiktiraf oleh AELB.

AELB berharap agar kemudahan yang disediakan ini akan dapat meringankan beban dan membantu pihak industri dan pemegang lesen dalam operasi harian mereka yang berkaitan dengan aktiviti tenaga atom sepanjang tempoh PKP, PKPB dan PKPP ini dikuatkuasakan. Sila ambil perhatian bahawa setiap pemegang lesen adalah kekal tertakluk kepada

peruntukan undang-undang yang termaktub di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) serta peraturan-peraturan subsidiari yang dibuat di bawahnya sepanjang masa.

Sekian, terima kasih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
Dikemaskini 13 Januari 2021